

TARIKH : 10 / 1 / 2023
SURAT KHABAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10

CEO antara empat didakwa buat tuntutan palsu

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Empat individu termasuk seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) mengaku tidak bersalah di tiga Mahkamah Sesyen di sini semalam atas enam pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 berjumlah RM504,460.

Di hadapan Hakim Rozina Ayob, CEO NVDS Technology Sdn. Bhd., Md. Zaidi Muhammad, 45, didakwa mengemukakan dokumen palsu mengandungi nama pekerja baharu atas nama syarikat itu bagi menuntut insentif berjumlah RM343,660.

Menurut pertuduhan, butiran palsu itu terkandung dalam Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja walhal senarai nama dalam dokumen itu bukan pekerja NVDS Technology.

Tertuduh didakwa mengemukakan borang tersebut melalui seorang individu kepada seorang kakitangan Perkeso dengan niat untuk memperdayakan agensi berkenaan.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu pada 22 April 2021 di Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Perkeso Putrajaya.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.



NOR Rizan Zakaria (dua dari kiri) dan Mohamed Hazzri Mohamed Amin hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam bagi menghadapi pertuduhan membuat tuntutan palsu Penjana Perkeso 2.0. - UTUSAN/AMIR KHALID

mananya lebih tinggi.

Di mahkamah sama, bekas pengarah sebuah syarikat pembinaan turut mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan berkaitan tuntutan insentif Penjana 2.0 berjumlah RM40,900.

Pertuduhan pertama, Mohamed Hazzri Mohamed Amin, 45, didakwa mengemukakan borang melalui seorang individu kepada seorang ejen Perkeso bagi menuntut insentif sebanyak RM25,900 atas nama Perusahaan Lan Trading & Construction manakala tuduhan kedua berhubung tuntutan insentif RM15,000 atas nama syarikat itu.

lan Ampang di sini.

Rozina membenarkan Md. Zaidi diikat jamin RM25,000 manakala Mohamed Hazzri dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin setiap tertuduh.

Mahkamah turut memerintahkan pasport kedua-duanya ditahan serta dilarang ke luar negara. Tarikh sebutan bagi kedua-dua kes ditetapkan pada 15 Februari ini.

Sementara itu di hadapan Hakim Suzana Hussin, Mohamed Hazzri yang juga bekas pengarah Percetakan Haz Sdn. Bhd. turut didakwa atas pertuduhan melibatkan tuntutan insentif RM61,300 pada 29 Mei 2021 di

atas pertuduhan mengemukakan dokumen palsu melibatkan tuntutan insentif RM49,500 atas nama syarikat itu pada 6 Mac 2021 di Menara Perkeso.

Suzana membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM16,000 dan menetapkan kes disebut pada 7 Februari ini.

Dalam pada itu, di mahkamah berlainan, Pengurus Bmine Enterprise, Muhammad Asyraf Omar, 31, turut didakwa mengemukakan borang palsu bagi menuntut insentif RM9,100 atas nama syarikat itu pada 13 September 2021 di Pejabat Perkeso Putrajaya.

Hakim Azura Alwi membe-